

Isnin, Feb 26 2018

Malaysia, SK Group teroka peluang pelaburan

UM 24/2

KUALA LUMPUR 23 Feb. - Konglomerat kedua terbesar dalam permodalan pasaran di Korea Selatan, SK Group akan bekerjasama dengan Malaysia bagi meneroka peluang pelaburan dalam beberapa bidang utama serta membuka ibu pejabat serantau di sini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kedua-dua pihak akan bekerjasama secara Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) bagi meneroka peluang pelaburan dalam bidang teknologi komunikasi dan maklumat (ICT), rangkaian generasi kelima (5G), minyak dan gas, teknologi hijau serta bandar pintar.

Sebagai langkah permulaan, kata Najib, kerajaan

iaan, kata Najib, syarikat yang tersenarai dalam Fortune 100 itu akan membuka ibu pejabat serantaunya di sini yang akan mewakili perniagaan di ASEAN, India dan Asia Barat.

"Malaysia akan menjadi pusat perkembangan perniagaan luar negara SK Group di rantau ini. Langkah ini menunjukkan tahap keyakinan tinggi kumpulan konglomerat itu terhadap negara ini," katanya ketika berucap dalam majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Malaysia dengan SK Group di sini hari ini.

Mou pertama di antara Malaysia dengan SK Group ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Siregar Abdullah bagi mewakili kerajaan manakala Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif SK E&S, Yu Jeong Joon bagi pihak SK Group.

Bagi MoU di antara Cyberview dengan SK Holdings Co. Ltd. dan SK Telecom Co. Ltd. pula, Cyberview diwakili oleh Pengarah Urusannya, Mohd. Najib Ibrahim manakala kedua-dua anak syarikat SK Group itu diwakili Ketua Pegawai Eksekutif SK Telecom Co. Ltd. dan

SK Telecom Co. Ltd., Park
Jung Ho.
